



KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-48 (BIL.2/2025)

PUTRAJAYA, 16 Julai 2025 - Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah mengadakan mesyuarat ke-48 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bertempat di Dewan Persidangan, Jabatan Perdana Menteri, petang ini.

Mesyuarat kali ini telah mempertimbangkan sebanyak **lima (5) kertas kerja** merangkumi empat (4) kertas persetujuan dan satu (1) kertas makluman.

Salah satu keputusan utama mesyuarat ialah **persetujuan terhadap Panduan Perancangan dan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (PPP KSAS)** yang dikemukakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Panduan ini bertujuan menyeragamkan takrifan, klasifikasi dan tahap KSAS bagi memastikan pemakaian yang seragam di semua peringkat iaitu persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

PPP KSAS ini akan menjadi rujukan utama kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PLANMalaysia Negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri serta agensi-agensi pelaksana lain dalam merancang dan mengurus pembangunan di kawasan KSAS.

MPFN Ke-48 juga mengambil maklum akan hasrat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk memperluas liputan **Kawasan Perlindungan Marin (MPA)**, selaras dengan komitmen **10 peratus MPA di bawah Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030)**.

Langkah ini adalah penting untuk menyokong **Rangka Strategi Ekonomi Biru Negara** dan melengkapi pelaksanaan **Perancangan Spatial Marin (MSP)** yang pernah dibentangkan dalam Mesyuarat MPFN Ke-46.

Bagi mencapai sasaran 10 peratus kawasan MPA dalam **Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ)**, kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat diperlukan, melibatkan pelbagai bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah **Akta, Enakmen dan Ordinan sedia ada**.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

